

Dewan lulus pindaan RUU Keselamatan Sosial Pekerja

Keratan Akhbar B1

Tarikh 26/6/2024

Kuala Lumpur: Dewan Rakyat semalam meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2024 yang bertujuan menambah baik liputan keselamatan sosial kepada pekerja di negara ini.

RUU yang kali pertama dibentangkan pada Mac lalu itu dibahaskan 21 ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang sebelum diluluskan dengan suara majoriti ahli Dewan Rakyat.

Kelulusan RUU itu diumumkan Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Ramli Mohd Nor, selepas sesi penggulungan oleh Menteri Sumber Manusia, Steven Sim.

Sim ketika membentangkan RUU itu berkata, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menyediakan pelbagai faedah bagi melindungi pekerja yang ditimpa kemalangan bencana kerja, merangkumi faedah hilang upaya sementara, faedah orang tanggungan, faedah pendidikan dan kemudahan pemulihan.

Bagaimanapun katanya, ketika ini had umur 60 tahun di bawah skim keilatan dikekalkan dengan

mengambil kira keupayaan dan risiko seseorang selepas melebihi usia 60 tahun.

"Namun, di bawah Akta 4 Skim Bencana Pekerjaan masih terpakai kepada pekerja yang bekerja walaupun berusia lebih 60 tahun.

"Jadi 60 tahun ke atas masih bekerja dan ada kemalangan, maka mereka boleh mendapat tuntutan faedah. Tapi skim keilatan, hadnya 60 tahun," katanya.

Di bawah RUU Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2024, pindaan dibuat bertujuan meningkatkan faedah tertentu yang diterima pekerja.

Sim berkata, beberapa penguatkuasaan undang-undang turut dilaksanakan bagi memastikan majikan mencarum antaranya pemeriksaan secara berjadual ke premis oleh pegawai pemeriksaan di seluruh negara

Katanya, pihaknya turut menggunakan kaedah *smart detection*, iaitu melaksanakan aktiviti pengesanan ke atas majikan dengan kerjasama agensi seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta operasi bersepadu antara agensi dan jabatan

di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

"Tindakan kompaun boleh diambil bagi kesalahan ditetapkan dan kadar kompaun boleh dikenakan tidak melebihi 50 peratus daripada jumlah denda maksimum bagi sesuatu kesalahan.

"Tindakan pendakwaan juga boleh diambil PERKESO contohnya jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan penjara maksimum dua tahun atau denda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya," katanya.

Bagaimanapun, Sim berkata, hukuman semata-mata tidak memadai kerana apa yang penting pekerja dilindungi di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja.

"Oleh itu, pendekatan berhemah diambil melalui program pemutihan supaya majikan tampil mendaftar dan mencarum untuk pekerja mereka. Dalam tempoh pemutihan ini, jika majikan tampil ke hadapan dan mendaftar, kita tidak dikenakan tindakan.

"Matlamat utama PERKESO bukan untuk hukum tetapi menyedia perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja," katanya.



Sim pada sesi penggulungan RUU ketika sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, semalam.
(Foto BERNAMA)